

PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH MENGIKUT HARGA BERAS YANG DIMAKAN DAN PERANAN AMIL KARIAH: SATU KAJIAN DI DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR

Payment of Zakat Fitrah Based on Price of Rice Consumed and The Role of Amil Kariah: A Study in Hulu Langat District, Selangor

Sayidah Nafisah Abdul Rahmanⁱ & Hairunnizam Wahidⁱⁱ

ⁱ Pelajar sarjana ekonomi Islam, UKM. p89696@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM; hairun@ukm.edu.my

ABSTRACT

Zakah is the third pillar of Islam. Zakah al-fitrah is a zakah that is obligatory upon every Muslim. The amount of zakah al-fitrah that was set by the state of Selangor is RM7 per head. However, Selangor Zakat Board (LZS) has an encouragement campaign of "Jom Bayar Zakat Fitrah Ikut Harga Beras Yang Dimakan" which aims to ensure Muslims in the state of Selangor pay zakat fitrah based on their economic status as measured by the rice consumed. Hence, this study aims to examine the awareness of zakah payers in Selangor on the promotional campaign, the media delivery medium and the public's response in implementing it. In addition, the study also examines the factors that encourage Muslim societies to pay zakah al-fitrah including the role of amil kariah zakah al-fitrah in the success of the promotion campaign. This study focuses on Muslim community respondents in Hulu Langat, Selangor. This study also focuses on respondents who perform prayers in congregation at the mosque. The results showed that the majority of respondents paid zakah al-fitrah at RM7 per head, according to the rice consumed, namely the 'Super Special Local' rice. The study also found that the majority of respondents heard the encouragement campaign through Friday's sermon and talks at the mosque and they also agreed on the role of amil kariah zakah al-fitrah in conveying the promotion campaign. Some suggestions and policy implications are also discussed in this study.

Keywords: zakah al-fitrah, promotion campaign, amil kariah of zakah al fitr, mosque, Selangor.

ABSTRAK

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga. Zakat fitrah pula adalah zakat yang diwajibkan ke atas setiap individu Muslim. Kadar zakat fitrah yang ditetapkan oleh negeri Selangor ialah RM7 bagi satu kepala. Walaupun demikian, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengadakan kempen galakan "Jom Bayar Zakat Fitrah Ikut Harga Beras Yang Dimakan" yang bertujuan untuk memastikan individu Muslim di negeri Selangor membayar zakat fitrah berdasarkan status ekonomi mereka yang diukur berdasarkan beras yang dimakan. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesedaran pembayar zakat di negeri Selangor

terhadap kempen galakan tersebut, medium penyampaian kempen tersebut dan sambutan masyarakat dalam melaksanakannya. Selain itu, kajian ini juga turut mengkaji faktor-faktor yang mendorong masyarakat Muslim membayar zakat fitrah termasuklah peranan amil kariah zakat fitrah dalam menjayakan kempen galakan tersebut. Kajian ini menumpukan kepada responden masyarakat Muslim di daerah Hulu Langat, Selangor. Kajian ini tertumpu kepada responden yang menunaikan solat secara berjemaah di masjid. Hasil kajian mendapati majoriti responden membayar zakat fitrah pada kadar RM7 bagi satu kepala mengikut beras yang dimakan iaitu beras ‘Super Special Tempatan’. Kajian ini juga mendapati majoriti responden mendengar kempen galakan tersebut melalui medium khutbah Jumaat dan ceramah di masjid serta mereka juga bersetuju peranan amil kariah zakat fitrah dalam menyampaikan kempen galakan tersebut. Beberapa cadangan dan implikasi dasar turut dibincangkan dalam kajian ini.

Kata Kunci: zakat fitrah, kempen galakan, amil kariah zakat fitrah, masjid, Selangor.

PENGENALAN

Islam adalah suatu cara hidup dan ia terdiri atas lima perkara sebagaimana hadis Nabi SAW yang bermaksud:

“Islam dibangunkan di atas lima rukun, dua kalimat syahadat, menegakkan solat, mengeluarkan zakat, puasa di bulan Ramadhan dan haji ke baitullah bagi yang mampu” [hadis riwayat Bukhari]

Daripada nas Hadis tersebut, zakat merupakan rukun Islam yang ketiga selepas pengistiharan keimanan kepada Allah SWT dan Rasul SAW serta mendirikan solat lima waktu sehari dan semalam. Malah Allah SWT telah mengiringi rukun zakat dengan rukun mengerjakan solat di dalam Kitab-Nya sebanyak 32 kali. Ini menandakan status zakat yang sama penting dengan solat selain menunjukkan bahawa perlunya untuk menjaga hubungan antara manusia dengan dengan tuhan dan sesama manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan laksanakanlah solat, dan tunaikanlah zakat” (Surah al-Baqarah: 43)

“Dan dirikanlah oleh kamu akan solat dan tunaikanlah zakattentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah...” (Surah al-Baqarah: 110)

“...Kemudian jika mereka bertaubat, dan mendirikan solat dan memberi zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu)...” (Surah at-Taubah: 5)

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta keluarkanlah zakat dan taatlah kepada Rasul supaya kamu beroleh rahmat” (Surah An-Nur: 56)

Sejarah terdahulu telah membuktikan bahawa Khalifah Abu Bakar RA telah memerangi orang yang mengingkari membayar zakat sebagaimana nas Hadis berikut yang bermaksud,

Diriwayatkan dari Abu Hurairah bahawa sepeninggal Rasulullah, Abu Bakar menghadapi kaum kafirin Arab. Umar berkata, “Mengapa engkau perangi manusia kerana Rasulullah pernah bersabda, “Aku diperintahkan untuk memerangi manusia hingga mereka mengucapkan Laa illaha Illallah, orang yang

mengikrarkannya maka hartanya, jiwanya terlindung dan perhitungannya diserahkan kepada Allah. Abu Bakar berkata, "Demi Allah, aku akan memerangi orang yang memisahkan antara solat dan zakat. Sesungguhnya zakat adalah hak harta. Demi Allah jika manusia menolak membayar zakat, dan hanya mengeluakannya ketika masa Rasulullah, maka aku akan memeranginya." Umar berkata, "Demi Allah, hal itu tiada lain kerana Allah telah melapangkan dada Abu Bakar untuk memeranginya. Dan aku tahu bahawa itu adalah kebenaran." (Riwayat Bukhari)

Gandingan kedua rukun solat dan zakat ini amat penting dikaitkan dengan institusi masjid (Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2012) berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang yang wajar mengimarahkan masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan ia tidak takut kecuali Allah, semoga mereka termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat hidayah" (Surah at-Taubah: 18)

Zakat adalah salah satu unsur tertegaknya tiang agama dan merupakan suatu ibadah kepada Allah SWT. Oleh itu, hukum mengeluarkan zakat adalah wajib. Menafikan kewajipan berzakat adalah sama dengan menafikan kepercayaan kepada agama Islam atau kafir. Ia wajib dilakukan oleh setiap individu Muslim yang mencukupi syarat-syaratnya. Selain ibadah, zakat juga bersifat muamalat kerana mempunyai hubungan antara manusia dengan manusia. Ia adalah hak yang wajib ke atas harta orang-orang kaya untuk diberikan kepada orang-orang miskin. Adalah lumrah bagi setiap negara terdapat golongan yang kaya dan miskin. Islam tidak menjadikan umatnya sama-rata, akan tetapi Islam menyeimbangkan kedua-dua golongan tersebut secara tidak langsung melalui pemberian zakat, sedekah dan lain-lain. Dengan itu, zakat adalah satu rukun yang bercorak sosial-ekonomi daripada lima rukun Islam (Abdul Salam, 2016).

Antara tujuan pensyariatan zakat adalah bagi menyucikan pembayar zakat daripada aspek rohani maupun material serta penyembahan kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka..." (Surah at-Taubah: 103)

Sehubungan dengan itu, pembayaran zakat dapat membersihkan dan menyucikan harta kerana harta yang dimiliki menjadi kotor atau haram disebabkan terdapat hak orang lain dalam harta orang yang berhak mengeluarkan zakat sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan pada harta benda mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak meminta" (al-Zariyat: 19)

LATAR BELAKANG KAJIAN

ZAKAT FITRAH

Zakat ini merupakan suatu sedekah yang wajib dengan sebab berbuka puasa pada akhir bulan Ramadan. Ianya difardukan pada tahun kedua Hijrah. Diwajibkan ke atas setiap individu Muslim tidak kira sama ada status mereka itu merdeka atau hamba, jantina lelaki atau perempuan atau pun berusia tua atau muda.

Tempoh menunaikan zakat ini terhad pada bulan Ramadan sehingga sebelum mengerjakan solat Hari Raya Aidil Fitri. Syarat utama kepada kewajipan zakat fitrah ialah memiliki lebih makanan pada malam dan pagi hari raya Aidil Fitri. Kewajipan membayar zakat fitrah ini bagi menyucikan amalan individu Muslim yang berpuasa di bulan Ramadan daripada perkataan yang sia-sia dan buruk. Selain itu, ianya bertujuan untuk memberi makan bagi orang-orang fakir dan miskin, memenuhi keperluan mereka di hari raya Aidil Fitri selain turut bergembira merayakan hari raya tersebut. Maka, harta zakat fitrah itu hanya diperuntukkan khusus bagi golongan fakir dan miskin dalam kalangan kaum Muslimin.

Kadar zakat fitrah yang harus ditunaikan adalah berdasarkan ungkapan Abu Said al-Khudri RA dan Ibn Umar RA sebagaimana berikut:

Diriwayatkan dari Ibn Umar bahwa Rasulullah telah mewajibkan zakat fitrah sebanyak satu sha' (gantang) dari kurma, atau satu sha' dari gandum, baik bagi orang merdeka maupun hamba sahaya, lelaki maupun perempuan. Beliau memerintahkan agar mengeluarkan zakat fitrah tersebut sebelum keluarnya orang-orang untuk melaksanakan solat 'Idul Fitri.' (Riwayat Sahih Bukhari)

Dari Abi Sa'id al-Khudri ra : "Sesungguhnya kami di zaman Rasulullah s.a.w memberinya (membayar zakat fitrah) satu sha' dari makanan yang dimakan, satu sha' dari kurma." (Riwayat Sahih Bukhari)

Penunjuk nas tersebut menunjukkan bahawa satu sha' makanan yang dimakan adalah kadar wajib zakat fitrah yang perlu dikeluarkan bagi setiap individu Muslim. Sha' ialah ukuran isipadu yang digunakan di Madinah. Satu sha' bermakna satu gantang. Zakat fitrah boleh dibayar lebih dari satu sha' (gantang) dan ianya dibenarkan. Firman Allah SWT yang bermaksud,

"...Dan wajib atas orang-orang yang tidak berdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya..." (Surah al-Baqarah: 184)

Oleh itu, membayar lebih daripada apa yang telah ditetapkan adalah diterima dan dihargai. Terdapat dua cara bayaran zakat fitrah iaitu bayaran dalam jenis dan bayaran dalam nilai. Pertama, bayaran dalam jenis iaitu beberapa item makanan ke atas zakat fitrah seperti kurma, barli, kismis dan yogurt kering. Ada riwayat yang menambah gandum dan jagung. Menurut pandangan Malikiah dan Syafi'iah, ia boleh dibayar dalam bentuk kebanyakan makanan utama di kawasan pembayar zakat ataupun makanan ruji yang dimakan oleh pembayar zakat. Kedua, bayaran dalam nilai iaitu dibayar dalam bentuk wang. Pada ketika ini, pemberian zakat fitrah dalam bentuk wang adalah lebih baik dan mudah berbanding pemberian dalam bentuk bahan makanan. Sekiranya zakat fitrah dibayar dalam bentuk nilai, jumlahnya harus sama dengan nilai item makanan utama yang dimakan oleh penduduk sebagai penentu jumlah wang yang diperlukan.

Di Malaysia, makanan asasi ataupun makanan yang dimakan oleh kebanyakan penduduk ialah beras, maka kadar zakat fitrah yang dikenakan adalah berdasarkan nilai item beras. Namun demikian, pentadbiran agama yang diletakkan di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menyebabkan kadar zakat fitrah yang berbeza-beza antara setiap negeri. Perbezaan ini berpunca daripada keputusan fatwa negeri-negeri yang berbeza pandangan mengenai timbangan satu gantang beras (Fidlizan et. al, 2015). Bagi menyeragamkan ukuran ini, mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFMKBHEUIM) telah memutuskan bahawa: (1) harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.60 kg. (2) harga zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah

dan Sarawak adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS, masing-masing bagi beras *Vietnam White Rice* bagi negeri Sabah dan *Thai White Rice* bagi negeri Sarawak mengikut timbangan satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70 kg.

Ringkasnya, kadar bayaran zakat fitrah adalah satu *sha'* iaitu satu gantang makanan asasi di kawasan pembayar zakat atau yang dimakan oleh pembayar zakat. Memandangkan makanan asasi di negara Malaysia ialah beras, di mana ia dimakan oleh golongan miskin dan kaya maka kadar zakat fitrah di Malaysia adalah berdasarkan kepada nilai beras. Negara Malaysia mengikut timbangan satu gantang Baghdad sebagai ukuran nilai kadar bayaran zakat fitrah. Pada tahun 2018, kadar zakat fitrah yang telah ditetapkan oleh negeri Selangor ialah RM7 bagi satu kepala. Namun demikian, LZS telah menganjurkan kempen galakan *Jom Bayar Zakat Fitrah Ikut Harga Beras Yang Dimakan* kepada masyarakat Muslim di Selangor yang berkemampuan sebagai galakan untuk membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan. Anjuran kempen galakan ini menimbulkan isu mengenai apakah rasional kempen galakan bayaran zakat fitrah ikut harga beras yang dimakan dilakukan memandangkan kerajaan di negeri Selangor telah menetapkan bayaran zakat fitrah pada satu kadar yang tetap bagi setiap individu. Berdasarkan perbincangan ini persoalan kajian adalah sejauhmanakah penduduk Islam di Selangor membayar zakat fitrah mengikut beras yang dimakan serta menilai kempen galakan tersebut. Objektif kajian ini adalah mengkaji kesedaran pembayar zakat di negeri Selangor terhadap kempen galakan tersebut, medium pendedahan masyarakat mengenai kempen tersebut dan sambutan masyarakat dalam melaksanakannya. Kajian ini juga turut mengkaji faktor-faktor yang mendorong masyarakat Muslim membayar zakat fitrah termasuklah peranan amil kariah zakat fitrah dalam menjayakan kempen galakan tersebut.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian berkaitan kutipan zakat fitrah di Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh Fidlizan et al. (2012, 2015) adalah bertujuan untuk menganalisis bilangan pembayar zakat fitrah menggunakan saluran formal iaitu melalui institusi zakat. Kajian menggunakan data jumlah kutipan zakat fitrah, kadar zakat fitrah dan bilangan penduduk beragama Islam di Malaysia. Hasil dapatan mendapat jumlah kutipan zakat fitrah dan bilangan pembayar yang membayar zakat fitrah menggunakan saluran institusi formal berlaku peningkatan setiap tahun di Malaysia. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Mohd Yahya et al. (2013) yang menggunakan kaedah yang sama iaitu data jumlah kutipan zakat fitrah, kadar zakat fitrah dan bilangan penduduk beragama Islam bagi negeri Selangor dari tahun 1995 hingga 2011. Dapatkan menunjukkan jumlah kutipan zakat fitrah di negeri Selangor meningkat dari tahun ke tahun kecuali pada tahun 1998. Ini menggambarkan strategi kutipan oleh pusat zakat telah menunjukkan satu kejayaan. Meskipun begitu, kesemua kajian tersebut juga mendapat bahawa bilangan pembayaran yang tidak menggunakan saluran formal atau diagih terus kepada penerima juga turut meningkat.

Siti Saufirah et al. (2016) pula membuat kajian bagi mengenal pasti dan menganalisis jumlah ketirisan kutipan zakat fitrah di Terengganu yang memperkenalkan tiga kadar zakat fitrah yang berbeza sebagai pilihan bagi mengurangkan jumlah ketirisan. Dengan menggunakan kaedah yang sama iaitu data jumlah kutipan zakat fitrah, kadar zakat fitrah dan bilangan penduduk beragama Islam bagi negeri Terengganu. Dapatkan kajian mendapat bahawa ketirisan tidak berlaku pada kadar zakat minimum sebaliknya berlaku ketirisan pada kadar zakat pertengahan dan maksimum. Ketirisan yang wujud bukan disebabkan oleh pelaksanaan tiga kadar zakat sebaliknya disebabkan oleh kemungkinan berlaku ketidakpercayaan individu untuk membuat pembayaran kepada institusi formal. Kajian zakat sebelum ini juga banyak membincangkan atau mengkaji faktor-faktor kepatuhan masyarakat Muslim mengeluarkan zakat. Antara faktor penentu kepatuhan

membayar zakat adalah keseragaman perundangan dan adanya fatwa kewajipan zakat. Selain itu, ia juga berkait dengan keimanan, kefahaman dan ketaatan kepada perintah Allah. Oleh yang demilian, membayar zakat fitrah melebihi daripada yang diwajibkan boleh dianggap sebagai sedekah dan ianya sangat berkait dengan soal keimanan dan kepercayaan kepada janji-janji Allah. Pada umumnya keimanan adalah berkait rapat dengan persepsi, oleh itu, persepsi yang positif juga menggambarkan keimanan yang tinggi (Hairunnizam et. al, 2007).

Menurut Ajzen (1991), niat adalah suatu bentuk motivasi yang mendorong seseorang untuk bertindak. Niat juga merupakan kesediaan dan petunjuk sejauhmana kesanggupan seseorang berusaha untuk melakukan sesuatu. Semakin kuat niat seseorang untuk melakukan sesuatu gelagat, semakin kuat kemungkinan gelagat tersebut dilakukan. Memandangkan zakat merupakan suatu ibadah kepada Allah dan suatu muamalah, maka dalam konteks pembayaran zakat, motivasi pembayar untuk membayar zakat tentulah mempunyai kaitan perhubungan antara pembayar zakat dengan tuhan dan antara pembayar zakat dengan manusia lain bagi saudara seIslam. Kajian oleh Mohd Ali et al. (2004) telah menggunakan model logit menunjukkan bahawa faktor iman dan pengetahuan agama amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sementara itu, hasil kajian oleh Sanep & Hairunnizam (2005) mendapatkan faktor pengetahuan agama dan tahap pendidikan amat signifikan mempengaruhi kesediaan membayar zakat harta yang diikhtilaf. Kajian tersebut menggunakan data primer seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis diskriptif seperti jadual kekerapan, jadual peratusan, jadual silang dan ujian *khi*.

Manakala kajian oleh Muhammad Muda et al. (2006) mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan membayar zakat. Faktor analisis digunakan sebagai struktur dasar faktor motivasi individu membayar zakat. Data dikumpul menggunakan soal selidik yang direka berdasarkan kajian-kajian terdahulu baik dari kajian konvensional mahupun kajian Islam. Dimensi utama dicirikan kepada faktor keagamaan, faktor utiliti, faktor kepuasan diri dan faktor organisasi. Hasil daripada kajian mengenal pasti lima faktor seseorang membayar zakat. Altruism didapati merupakan faktor utama seseorang membayar zakat, kemudian diikuti oleh faktor keimanan, kepuasan diri, organisasi dan ganjaran mengikut turutan. Begitu juga, Ahmad Mukhli & Irfan Syauqi (2013) melakukan penelitian bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepatuhan membayar zakat dan mengenalpasti faktor yang dominan. Pengumpulan data dilakukan melalui kaji selidik terhadap 100 orang responden di wilayah Kabupaten Bogor. Hasil daripada penelitian, diketahui sejumlah faktor kepatuhan membayar zakat adalah faktor keagamaan seperti iman, pemahaman agama dan balasan. Ada juga faktor lain seperti kepedulian sosial, kepuasan diri dan organisasi. Faktor keimanan menempati urutan pertama diikuti faktor sosial, faktor balasan, faktor kepuasan diri, faktor pemahaman agama dan faktor organisasi.

Sementara itu, Abdullah Khairi & Hairunnizam (2017) pula mengkaji gelagat serta faktor pendorong seseorang individu Muslim cenderung membayar zakat pendapatan melebihi kadar nisab. Kajian ini tertumpu kepada kakitangan kerajaan yang berkhidmat di Kompleks Kerajaan di Putrajaya dengan latar belakang jawatan yang pelbagai menggunakan teknik pensampelan secara rawak. Sebanyak 150 soal selidik telah diedarkan dan sebanyak 108 soal selidik diterima dan sesuai untuk dianalisis. Kajian tersebut menggunakan kaedah diskriptif dan ujian perbandingan min serta peratus penerima responden terhadap sesuatu item soalan. Hasil kajian tersebut mendapati hanya 43 peratus daripada responden yang layak untuk membayar zakat dan sebanyak 13 peratus daripada responden tersebut telah membayar zakat pendapatan melebihi kadar kewajipan zakat yang perlu dibayar. Kajian tersebut mendapati faktor pendorong utama yang menyumbang kepada gelagat ini adalah disebabkan oleh faktor keyakinan agihan zakat dan sasaran agihan zakat secara khusus kepada asnaf berbanding cukai. Selain kajian berkenaan faktor kepatuhan membayar zakat, terdapat juga kajian-kajian terdahulu yang menyentuh berkaitan amil zakat dan kepentingan mereka. Ini kerana amil merupakan

pelaksana utama dalam sistem pengurusan zakat iaitu mengutip dan mengumpul harta zakat yang kemudian diagihkan kepada golongan asnaf. Amil zakat adalah mereka yang membantu pemerintah di negara-negara Islam atau yang mendapat izin atau yang dipilih oleh yayasan yang diakui oleh pihak pemerintah atau masyarakat Islam untuk mengumpul dan menyalurkan zakat serta urusan lain yang berhubung kait dengan zakat (Mujaini, 2005). Kebiasaanya, para imam atau ustaz berperanan sebagai amil memandangkan mereka merupakan golongan yang dipercayai oleh masyarakat.

Antara syarat-syarat seseorang itu menjadi amil ialah Muslim, mukallaf, sihat tubuh badan, serta berpengetahuan mengenai hal ehwal zakat dan memahami selok-belok zakat dari segi hukum. Seterusnya, amil perlulah memiliki budi pekerti dan perilaku yang baik seperti sifat amanah, jujur dan telus ketika menjalankan tugas. Amil juga haruslah bersopan santun, mesra dan boleh dipercayai memandangkan tugas mereka juga melibatkan hubungan sosial dengan masyarakat Muslim (Hairullfazli & Azman, 2011). Menurut dari kajian ini juga, amil boleh dianggap sebagai perantaraan antara pembayar zakat dan asnaf zakat. Selain itu, amil juga berperanan untuk memberikan peringatan kepada golongan yang berkewajipan untuk membayar zakat. Maka, amil mestilah bertindak sebagai penyeru atau juru kempen mengajak umat membayar zakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan temu ramah untuk mendapatkan data primer manakala data sekunder diperoleh daripada pembacaan sumber rujukan seperti jurnal dalam laman website. Populasi kajian ini ialah masyarakat Muslim di negeri Selangor. Sampel kajian ini terdiri daripada responen masyarakat Muslim di daerah Hulu Langat, Selangor. Kajian ini tertumpu kepada responden yang menunaikan solat secara berjemaah di masjid kerana kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan. Tujuan kajian ini menumpukan kepada responden Jemaah masjid adalah kerana kajian ini menjangkakan bahawa majoriti masyarakat Muslim akan membayar zakat fitrah pada amil zakat fitrah di masjid kariah masing-masing. Kajian ini juga mengandaikan bahawa antara faktor penyebab utama pembayar membayar zakat fitrah lebih adalah disebabkan oleh perkenalan atau jalinan ikatan hubungan antara para Jemaah masjid dengan amil kariah. Ini kerana kebiasaannya, amil kariah adalah terdiri daripada kalangan anggota masjid seperti imam masjid itu sendiri. Oleh itu, kajian ini menjangkakan golongan yang sentiasa solat berjemaah di masjid mempunyai perkenalan yang baik dengan imam masjid atau amil zakat kariah.

Kajian soal selidik ini mempunyai empat bahagian. Bahagian pertama berkaitan dengan maklumat demografi responden. Bahagian kedua berkaitan pembayaran zakat fitrah mengikut pengelasan dan jenis beras yang dimakan seperti dalam Jadual 1. Bahagian ketiga berkaitan dengan faktor-faktor responden membayar zakat fitrah. Faktor-faktor ini dibahagikan kepada 5 faktor utama iaitu faktor ilmu pengetahuan yang berkaitan tentang fiqh zakat, faktor niat yang berkaitan dengan keimanan dan kepercayaan akan ganjaran Allah, faktor nilai kemanusiaan yang berkaitan dengan tahap kepedulian sosial, faktor institusi zakat dan faktor peranan amil kariah. Kesemua soalan faktor menggunakan 5 skala pilihan iaitu 1-sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-tidak pasti, 4-setuju dan 5-sangat setuju. Akhir sekali bahagian keempat berkaitan dengan maklum balas responden tentang cadangan dan komen. Kajian ini juga menggunakan kaedah menemu ramah salah seorang wakil pegawai LZS melalui medium email dan whatsapp bagi mendapatkan data tambahan berkaitan tujuan LZS menganjurkan kempen galakan bayaran zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan.

Jadual 1 – Kadar bayaran zakat fitrah mengikut pengelasan jenis beras yang dimakan.

Kumpulan Beras	Jenis Beras	Kadar Bayaran
Kelas 1	Super Spesial Tempatan	RM 7
Kelas 2	Beras Putih Import	
	Beras Perang	
	Beras Pulut	RM 14
	Herba Poni	
	Beras Wangi	
Kelas 3	Beras Basmati	
	Beras Jepun	RM 21
	Beras Merah	

Sumber: rujukan dari laman sesawang Lembaga Zakat Selangor.

Kaedah pensampelan: Beberapa buah masjid telah dipilih dalam kajian ini mewakili daerah Hulu Langat, Selangor. Masjid yang dipilih termasuklah Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi, Masjid Sultan Hisamuddin Alam Shah, Kajang, Masjid As-Mustaqim, Bandar Seri Putra, Masjid Bandar Tun Hussien Onn, Kajang, Masjid As-Solehin Teras Jernang dan Masjid Jamek Pekan Kajang dibantu oleh 4 orang pembantu serta pengkaji sendiri dalam mengedarkan borang soal selidik. Jumlah responden bagi setiap masjid adalah berdasarkan kepada kerjasama responden dalam mengisi borang soal selidik yang diedarkan. Mengikut petua Roscoe (dalam nukilan Sekaran, 2003), saiz sampel yang lebih besar daripada 30 dan kurang daripada 500 adalah sesuai untuk kebanyakan penyelidikan. Kajian ini menggunakan persampelan mudah bertujuan di mana borang soal selidik diedarkan kepada sesiapa sahaja yang solat di masjid yang dikaji. Sebanyak 200 naskhah borang telah diedarkan dan sebanyak 181 daripada borang tersebut yang dapat dianalisis untuk kajian lanjutan.

Kaedah analisis data: Analisis data dilakukan dengan secara statistik deskriptif iaitu daripada nilai kekerapan, peratusan, nilai min dan sisihan piawi serta peratus penerimaan responden terhadap sesuatu item soalan untuk faktor peranan amil kariah. Analisis nilai min digunakan untuk mengetahui domain atau bidang yang sangat diperlukan mengikut keutamaan serta untuk menjelaskan tahap persetujuan responden (Norizan, 2003). Nilai Alpha Cronbach digunakan bagi menguji kebolehpercayaan intrumen yang digunakan. Nilai alpha yang maksimum ialah 1. Sekiranya nilai alpha mencapai 0.65 dan ke atas maka instrumen yang digunakan di dalam kajian dianggap memuaskan.

HASIL KAJIAN

Secara amnya, kempen tersebut adalah bagi meningkatkan kutipan zakat fitrah yang ketika ini agihannya ditampung menggunakan hasil zakat lain. Ini bermakna, hasil zakat fitrah sedia ada tidak mencukupi dengan jumlah yang sepatutnya diagihkan kepada asnaf untuk menyambut raya. Wujud segelintir pembayar yang mengkehendaki LZS memberikan ruang kepada mereka bayar ikut harga beras dimakan. Ini bertepatan dengan amalan nabi dan sahabat. Tiada isu perlanggaran fatwa kerana setiap tambahan gerak kerja akan dirujuk kepada mufti. Sebarang program galakan dan penambahan baikan adalah dianggap menepati fatwa (pegawai LZS). Daripada 200 naskhah borang soal selidik yang diedarkan, sebanyak 181 borang soal selidik yang boleh direkodkan untuk dianalisis. Merujuk kepada profil demografi responden sebagaimana dalam Jadual 2, majoriti responden adalah daripada kaum lelaki yang merangkumi (95.6%) memandangkan pilihan responden tertumpu kepada para Jemaah masjid, membayar zakat fitrah (98.3%), berumur 51 tahun dan ke atas (36.5%), berpendidikan rendah iaitu berkelulusan SPM dan ke bawah (47.2%), aliran pendidikan kebangsaan (84.1%), tinggal di lokasi bandar (60.9%), berkahwin (79%), bekerja di sektor swasta (29.9%), mempunyai pendapatan bulanan di antara lingkungan RM1,001 hingga RM5,000 (73.2%), dan kekerapan solat berjemaah di masjid setiap kali lima waktu solat (31%). Manakala responden yang tidak membayar zakat fitrah

adalah (1.7%), ini mungkin atas faktor responden masih di bawah tanggungan individu lain. Jadual 3 pula menunjukkan yang majoriti responden tahu bahawa LZS mengadakan kempen galakan bayaran zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan (79.6%). Manakala, majoriti responden mendapat pendedahan mengenai kempen galakan tersebut melalui medium khutbah jumaat (40.9%) dan ceramah (40.3%).

Jadual 2 – Profil demografi responden

Item	Kekerapan	Peratusan
<i>Jantina:</i>		
Lelaki	173	95.6
Perempuan	8	4.4
<i>Bayar Zakat Fitrah:</i>		
Ya	177	98.3
Tidak	3	1.7
<i>Umur:</i>		
19 tahun dan ke bawah	2	1.1
20 – 30 tahun	30	16.6
31 – 40 tahun	37	20.4
41 – 50 tahun	46	25.4
51 tahun dan ke atas	66	36.5
<i>Tahap Pendidikan:</i>		
SPM dan ke bawah	84	47.2
Matrikulasi/STPM/STAM	8	4.5
Diploma	26	14.6
Ijazah	44	24.7
Sarjana	13	7.3
PhD	3	1.7
<i>Aliran Pendidikan:</i>		
Agama	28	15.9
Kebangsaan	148	84.1
<i>Lokasi:</i>		
Bandar	109	60.9
Luar bandar	70	39.1
<i>Status Perkahwinan:</i>		
Bujang	25	13.8
Berkahwin	143	79
Duda/Janda	13	7.2
<i>Jenis Pekerjaan:</i>		
Kerajaan	32	18.1
Swasta	53	29.9
Bekerja sendiri	36	20.3
Pesara	22	12.4
Lain-lain	34	19.2
<i>Pendapatan Bulanan:</i>		
RM1,000 dan ke bawah	13	8.7
RM1,001 – RM5,000	109	73.2
RM5,001 – RM10,000	20	13.4
RM10,001 – RM15,000	5	3.4
RM15,001 – RM20,000	2	1.3
<i>Kekerapan ke/berjemaah di masjid atau surau:</i>		
1x sehari	13	7.6

2x sehari	39	22.8
3x sehari	47	27.5
4x sehari	19	11.1
5x sehari	53	31

Sumber: berdasarkan maklumat soal selidik 2018.

Jadual 3 – Kesedaran tentang kempen galakan “Jom Bayar Zakat Fitrah Ikut Harga Beras Yang Dimakan” oleh LZS dan medium pendedahan tentang kempen tersebut.

Item	Ya	Tidak	Nilai Min	Sisihan Piawai	Kedudukan
Tahu bahawa (LZS) mengadakan kempen galakan “Jom Bayar Zakat Fitrah Ikut Harga Beras Yang Dimakan”	144 (79.6)	37 (20.4)	0.80	0.030	
Medium Pendedahan:					
Khutbah jumaat	74 (40.9)	107 (59.1)	0.41	0.037	1
TV	15 (8.3)	166 (91.7)	0.08	0.021	7
FB	22 (12.2)	159 (87.8)	0.12	0.024	5
e-mail	2 (1.1)	179 (98.9)	0.01	0.008	9
Whatsapp	13 (7.2)	168 (92.8)	0.07	0.019	8
Laman web LZS	37 (20.4)	144 (79.6)	0.20	0.030	3
Surat khabar	19 (10.5)	162 (89.5)	0.10	0.023	6
Radio	26 (14.4)	155 (85.6)	0.14	0.026	4
Ceramah/taklimat	73 (40.3)	108 (59.7)	0.40	0.037	2

Nota: () peratusan.

Sumber: berdasarkan maklumat soal selidik 2018.

PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH MENGIKUT HARGA BERAS YANG DIMAKAN

Jadual 4 menunjukkan tindakan responden mengenai pembayaran zakat fitrah bagi setiap ahli isi rumah mengikut harga beras yang dimakan. Menurut hasil kajian ini, majoriti responden membayar zakat fitrah pada kadar RM7 bagi satu kepala mengikut kelas beras yang dimakan iaitu beras ‘Super Special Tempatan’ (99.1%) dari 107 orang responden. Sementara itu, dalam aspek pembayaran zakat fitrah untuk setiap isi rumah bagi diri sendiri, terdapat seorang responden yang membayar pada kadar yang paling tinggi iaitu pada kadar RM21 untuk setiap ahli isi rumah walaupun memakan beras dari beras kelas 1 (0.9%). Selain itu juga, majoriti responden yang makan beras kelas 2 dan beras kelas 3 membayar pada kadar RM7 iaitu kadar yang telah ditetapkan oleh negeri Selangor. Manakala, responden yang membayar pada kadar yang ditentukan mengikut kelas beras bagi beras kelas 2 adalah (13.6%) dari 44 orang responden dan bagi beras kelas 3 pula (20%) dari 15 orang responden. Corak pembayaran ahli isi rumah yang lain seperti pasangan dan tanggungan adalah

mengikut kepada corak pembayaran isi rumah bagi diri sendiri. Tambahan lagi, kajian ini mendapati bahawa terdapat juga isi rumah bagi tanggungan yang tidak dibayar mengikut kelas beras yang dimakan atas alasan kurang makan.

Jadual 4 – Pembayaran zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan

Beras	Isi Rumah			Jumlah Responden
	RM 7	RM 14	RM 21	
Diri Sendiri				
Kelas 1	106 (99.1)	0 (0.0)	1 (0.9)	107
Kelas 2	38 (86.4)	6 (13.6)	0 (0.0)	44
Kelas 3	11 (73.3)	1 (6.7)	3 (20)	15
Pasangan				
Kelas 1	83 (98.8)	0 (0.0)	1 (1.2)	84
Kelas 2	29 (82.9)	6 (17.1)	0 (0.0)	35
Kelas 3	10 (76.9)	1 (7.7)	2 (15.4)	13
Tanggungan 1				
Kelas 1	74 (98.7)	0 (0.0)	1 (1.3)	75
Kelas 2	30 (90.9)	3 (9.1)	0 (0.0)	33
Kelas 3	8 (80)	0 (0.0)	2 (20)	10
Tanggungan ke-2				
Kelas 1	56 (98.2)	0 (0.0)	1 (1.8)	57
Kelas 2	18 (81.8)	4 (18.2)	0 (0.0)	22
Kelas 3	6 (85.7)	0 (0.0)	1 (14.3)	7
Tanggungan ke-3				
Kelas 1	37 (100)	0 (0.0)	0 (0.0)	37
Kelas 2	9 (81.8)	2 (18.2)	0 (0.0)	11
Kelas 3	5 (83.3)	0 (0.0)	1 (16.7)	6
Tanggungan ke-4				
Kelas 1	25 (100)	0 (0.0)	0 (0.0)	25
Kelas 2	6 (85.7)	1 (14.3)	0 (0.0)	7
Kelas 3	3 (75)	0 (0.0)	1 (25)	4

Nota: () peratusan.

Sumber: berdasarkan maklumat soal selidik 2018.

FAKTOR RESPONDEN MEMBAYAR ZAKAT FITRAH MENGIKUT BERAS YANG DIMAKAN

Berdasarkan Jadual 5, terdapat lima faktor yang dikenalpasti sebagai penyebab responden membayar zakat fitrah mengikut beras yang dimakan iaitu faktor ilmu pengetahuan, faktor niat, faktor nilai kemanusiaan, faktor institusi zakat dan faktor peranan amil kariah. Hasil kajian ini mendapati tahap kebolehpercayaan bagi kesemua faktor adalah baik. Nilai Alpha Cronbach bagi faktor ilmu pengetahuan dan faktor institusi zakat berada pada skala yang tinggi dengan nilai (0.89) dan (0.83) masing-masing. Manakala nilai Alpha Cronbach bagi faktor niat (0.93), faktor nilai kemanusiaan (0.97) dan faktor peranan amil kariah (0.96) berada pada skala yang sangat tinggi. Tambahan pula, kesemua 5 faktor tersebut mencatatkan purata nilai min yang tinggi. Kesemua faktor mempunyai 5 item di bawahnya selain faktor peranan amil kariah terdapat 14 item di bawahnya. Bagi faktor ilmu pengetahuan, nilai min adalah antara (4.02) hingga (4.41) dan kesemua item di bawah faktor ini merekodkan nilai min yang tinggi. Ini menunjukkan majoriti responden mempunyai pengetahuan yang baik mengenai fiqh zakat terutamanya zakat fitrah untuk kajian ini. Daripada nilai min yang tertinggi bagi item di bawah faktor ini menunjukkan responden mengetahui bahawa zakat fitrah adalah wajib ke atas setiap individu Muslim (4.41) diikuti item bayaran zakat fitrah adalah berdasarkan kepada nilai makanan ruji di kawasan pembayar zakat atau yang dimakan oleh pembayar zakat (4.26). Sementara itu, item yang terendah nilai min di bawah faktor ini adalah kadar zakat fitrah di Malaysia berdasarkan nilai beras bagi satu gantang Baghdad (4.02).

Jadual 5 – Faktor responden bayar zakat fitrah mengikut beras yang dimakan

	Nilai Min	Sisihan Piawai	Tahap ¹	Alpha Cronbach ²
1) Faktor ilmu pengetahuan (fiqh zakat):				.893
Dapat membezakan konsep bayaran antara zakat fitrah dengan zakat harta.	4.21	.056	Tinggi	
Hukum zakat fitrah adalah wajib ke atas setiap individu muslim.	4.41	.056	Tinggi	
Bayaran zakat fitrah adalah berdasarkan kepada nilai makanan ruji di kawasan pembayar zakat atau yang dimakan oleh pembayar zakat.	4.26	.056	Tinggi	
Jumlah zakat fitrah adalah berdasarkan kepada jumlah satu sha' iaitu satu gantang makanan.	4.15	.061	Tinggi	
Kadar zakat fitrah di Malaysia berdasarkan nilai beras bagi satu gantang Baghdad.	4.02	.063	Tinggi	
Purata	4.20	.049	Tinggi	
2) Faktor niat:				.935
Membayar lebih ikut harga beras yang dimakan dengan niat sebagai sedekah kerana Allah.	4.38	.051	Tinggi	
Membayar lebih sebagai salah satu amal bakti di dunia.	4.35	.055	Tinggi	
Membayar lebih sebagai cara untuk mendekatkan diri kepada Allah.	4.39	.054	Tinggi	
Membayar lebih sebagai sedekah untuk mendapatkan ganjaran dari Allah.	4.36	.055	Tinggi	
Membayar lebih bagi menambah bekalan amalan untuk akhirat.	4.39	.055	Tinggi	
Purata	4.36	.051	Tinggi	
3) Faktor nilai kemanusiaan:				.977
Bagi memenuhi keperluan golongan fakir dan	4.38	.050	Tinggi	

miskin di hari raya Aidil Fitri seperti makanan dan pakaian.			
Supaya golongan fakir dan miskin turut menikmati kegembiraan di hari raya Aidil Fitri.	4.41	.049	Tinggi
Supaya golongan fakir dan miskin tidak rasa dipinggirkan di hari raya Aidil Fitri.	4.39	.049	Tinggi
Saya prihatin dan simpati ke atas nasib dan keadaan golongan fakir dan miskin di tempat saya.	4.38	.050	Tinggi
Saya ingin menjadi seorang muslim yang mengambil berat dan suka membantu orang susah.	4.40	.050	Tinggi
Purata	4.39	.047	Tinggi
4) Faktor institusi zakat:			.838
Merasakan zakat dikutip dengan cekap dan efisien.	4.07	.055	Tinggi
Wujud banyak kemudahan untuk membayar zakat.	4.25	.051	Tinggi
Merasakan zakat diagih dengan cekap dan efisien.	3.72	.060	Sederhana
Merasakan agihan zakat sampai kepada sasaran.	3.68	.059	Sederhana
Berpendapat bahawa maklumat berkaitan kutipan/agihan zakat mudah untuk diakses.	3.83	.057	Tinggi
Purata	3.91	.044	Tinggi
5) Faktor peranan amil kariah:			.961
Saya membayar zakat fitrah pada amil di masjid/surau di tempat saya.	4.28	.055	Tinggi
Saya amat mengenali amil masjid/surau di tempat saya.	3.93	.069	Tinggi
Amil merupakan penduduk tempatan di tempat saya tinggal.	4.03	.066	Tinggi
Saya yakin amil masjid/surau di tempat saya seorang yang bertanggungjawab dan amanah dalam melaksanakan tugasnya.	4.25	.053	Tinggi
Saya setuju amil masjid/surau di tempat saya seorang yang boleh dipercayai.	4.27	.053	Tinggi
Amil masjid/surau di tempat saya seorang yang peramah dan berakhhlak mulia.	4.12	.059	Tinggi
Amil memaklumkan dan menyampaikan maklumat tentang kempen galakan kepada saya sebelum saya membayar zakat fitrah.	3.85	.067	Tinggi
Penyampaian maklumat tentang kempen galakan tersebut oleh amil sangat jelas dan mudah difahami.	3.88	.068	Tinggi
Berlaku interaksi dua hala antara saya dengan amil.	3.94	.064	Tinggi
Amil sangat berhemah dalam menjawab pertanyaan-pertanyaan yang diajukan.	3.97	.063	Tinggi
Amil mempunyai pengetahuan yang baik dengan apa yang disampaikan.	4.00	.058	Tinggi
Saya percaya amil seorang yang berpengetahuan luas dalam fiqh zakat.	3.96	.056	Tinggi
Layanan mesra amil mendorong saya untuk membayar zakat fitrah lebih.	3.94	.066	Tinggi
Penerangan amil yang meyakinkan	3.88	.067	Tinggi

mendorong saya untuk membayar zakat fitrah lebih.

Purata	4.02	.050	Tinggi
--------	------	------	--------

¹Skala nilai min: < 2.4; Rendah, 2.41 – 3.80; Sederhana, > 3.81; Tinggi.

²Nilai Alpha Cronbach: 0 – 0.29; Rendah, 0.3 – 0.69; Sederhana, 0.7 – 0.89; Tinggi, 0.9 – 1; Sangat Tinggi.

Sumber: berdasarkan maklumat soal selidik 2018.

Kesemua item di bawah faktor niat dan faktor nilai kemanusiaan juga merekodkan nilai min pada skala yang tinggi iaitu di antara (4.35) hingga (4.39) bagi faktor niat manakala bagi faktor nilai kemanusiaan di antara (4.38) hingga (4.41). Di bawah faktor niat, terdapat dua item yang mencatatkan nilai min yang sama dan tertinggi (4.39) iaitu item membayar lebih sebagai cara untuk mendekatkan diri kepada Allah dan item membayar lebih bagi menambah bekalan amalan untuk akhirat. Kemudian diikuti oleh item membayar lebih ikut harga beras yang dimakan dengan niat sebagai sedekah kerana Allah (4.38). Seterusnya, item yang mencatat nilai min yang tertinggi di bawah faktor nilai kemanusiaan adalah supaya golongan fakir dan miskin turut menikmati kegembiraan di hari raya Aidil Fitri (4.41) kemudian diikuti item saya ingin menjadi seorang Muslim yang mengambil berat dan suka membantu orang susah (4.40). Daripada aspek faktor institusi zakat pula, terdapat dua item yang mencatat nilai min pada tahap yang sederhana meskipun mempunyai nilai purata min yang tinggi iaitu item merasakan agihan zakat sampai kepada sasaran (3.68) dan diikuti oleh item merasakan zakat diagih dengan cekap dan efisien (3.72). Sementara itu, item yang mencatatkan nilai min yang tertinggi di bawah faktor ini ialah item wujud banyak kemudahan untuk membayar zakat (4.25), kemudian diikuti item merasakan zakat dikutip dengan cekap dan efisien (4.07) dan item berpendapat bahawa maklumat berkaitan kutipan/agihan zakat mudah untuk diakses (3.83).

Faktor peranan amil kariah merekodkan nilai min pada tahap yang tinggi bagi kesemua 14 item dibawahnya di antara (3.85) hingga (4.28). Item yang mencatat nilai min yang tertinggi di bawah faktor ini adalah saya membayar zakat fitrah pada amil di masjid/surau di tempat saya (4.28) diikuti item saya setuju amil masjid/surau di tempat saya seorang yang boleh dipercayai (4.27). Sementara item yang mencatatkan nilai min yang terendah di bawah faktor ini ialah item amil memaklumkan dan menyampaikan maklumat tentang kempen galakan kepada saya sebelum saya membayar zakat fitrah (3.85) seterusnya diikuti dua item yang mencatat nilai min yang sama (3.88) iaitu item penyampaian maklumat tentang kempen galakan tersebut oleh amil sangat jelas dan mudah difahami dan item penerangan amil yang meyakinkan mendorong saya untuk membayar zakat fitrah lebih.

TAHAP KEPUASAN RESPONDEN TERHADAP AMIL KARIAH ZAKAT FITRAH

Jadual 6 menunjukkan jawapan responden berkenaan tahap kepuasan mereka terhadap peranan amil kariah zakat fitrah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu (92.8%) membayar zakat fitrah pada amil di masjid di tempat tinggal mereka dan mempunyai tanggapan yang baik terhadap amil kariah zakat fitrah iaitu sebanyak (91.1%) daripada responden mengakui bahawa amil kariah zakat fitrah di tempat mereka adalah seorang yang boleh dipercayai. Manakala sebanyak (90.6%) daripada responden menyatakan keyakinan mereka terhadap peranan amil kariah zakat fitrah dalam melaksanakan tugas mereka dengan bertanggungjawab dan amanah. Keputusan ini agak signifikan dengan pola jawapan bagi item amil kariah seorang yang peramah dan berakhhlak mulia iaitu sebanyak (85%) serta item amil kariah adalah penduduk tempatan di kawasan responden (82.3%). Ini dapat menggambarkan bahawa perkenalan yang berlaku antara para Jemaah masjid dengan amil kariah zakat fitrah dapat mewujudkan suatu tanggapan atau persepsi oleh suatu pihak ke atas pihak yang lain. Sementara itu, peratus tahap kepuasan responden yang terendah di bawah faktor peranan amil kariah ialah item penerangan amil yang meyakinkan mendorong untuk membayar

zakat fitrah lebih (75%), kemudian diikuti oleh item penyampaian maklumat tentang kewajiban zakat fitrah oleh amil sangat jelas dan mudah difahami (76.5%) dan item amil memaklumkan dan menyampaikan maklumat tentang kewajiban zakat fitrah sebelum membayar zakat fitrah (76.7%) daripada jumlah responden.

Jadual 6 – Tahap kepuasan responden terhadap amil kariah

Item	Skala ¹					Min ²
	1	2	3	4	5	
Saya membayar zakat fitrah pada amil di masjid/surau di tempat saya.	2 (1.1)	4 (2.2)	7 (3.9)	96 (53.0)	72 (39.8)	4.28 [.055]
Saya amat mengenali amil masjid/surau di tempat saya.	4 (2.2)	13 (7.2)	21 (11.6)	97 (53.6)	46 (25.4)	3.93 [.069]
Amil merupakan penduduk tempatan di tempat saya tinggal.	5 (2.8)	6 (3.3)	21 (11.6)	95 (52.5)	54 (29.8)	4.03 [.066]
Saya yakin amil masjid/surau di tempat saya seorang yang bertanggungjawab dan amanah dalam melaksanakan tugasnya.	2 (1.1)	1 (0.6)	14 (7.7)	96 (53.0)	68 (37.6)	4.25 [.053]
Saya setuju amil masjid/surau di tempat saya seorang yang boleh dipercayai.	2 (1.1)	1 (0.6)	13 (7.2)	96 (53.0)	69 (38.1)	4.27 [.053]
Amil masjid/surau di tempat saya seorang yang peramah dan berakhhlak mulia.	4 (2.2)		23 (12.7)	98 (54.1)	56 (30.9)	4.12 [.059]
Amil memaklumkan dan menyampaikan maklumat tentang kewajiban zakat fitrah kepada saya sebelum saya membayar zakat fitrah.	4 (2.2)	13 (7.2)	25 (13.9)	102 (56.7)	36 (20.0)	3.85 [.067]
Penyampaian maklumat tentang kewajiban zakat fitrah oleh amil sangat jelas dan mudah difahami.	5 (2.8)	9 (5.0)	28 (15.6)	97 (54.2)	40 (22.3)	3.88 [.068]
Berlaku interaksi dua hala antara saya dengan amil.	4 (2.2)	7 (3.9)	28 (15.5)	98 (54.1)	44 (24.3)	3.94 [.064]
Amil sangat berhemah dalam menjawab pertanyaan-pertanyaan yang diajukan.	4 (2.2)	5 (2.8)	28 (15.6)	98 (54.4)	45 (25.0)	3.97 [.063]
Amil mempunyai pengetahuan yang baik dengan apa yang disampaikan.	3 (1.7)	3 (1.7)	27 (15.0)	105 (58.3)	42 (23.3)	4.00 [.058]
Saya percaya amil seorang yang berpengetahuan luas dalam fiqh zakat.	2 (1.1)	4 (2.2)	29 (16.2)	108 (60.3)	36 (20.1)	3.96 [.056]
Layanan mesra amil mendorong saya untuk membayar zakat fitrah lebih.	4 (2.2)	11 (6.1)	19 (10.6)	103 (57.2)	43 (23.9)	3.94 [.066]
Penerangan amil yang meyakinkan mendorong saya untuk membayar zakat fitrah lebih.	3 (1.7)	12 (6.7)	30 (16.7)	93 (51.7)	42 (23.3)	3.88 [.067]

Nota:¹berasaskan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 tidak pasti; 4 setuju; 5 sangat setuju.

²nilai min keseluruhan konstruk ini ialah 4.02.

() nilai peratus daripada jumlah responden.

[] nilai ralat piawai bagi nilai min.

MAKLUM BALAS RESPONDEN

Maklumbalas tentang cadangan atau komen daripada responden berkaitan medium penyebaran maklumat dan peranan masjid dalam meningkatkan kesedaran berkenaan dengan kewajiban zakat fitrah kepada masyarakat dilampirkan seperti dalam Jadual 7. Majoriti responden memberikan maklum balas yang hampir sama maka hanya beberapa maklum balas yang diberi dipilih bagi mewakili maklum balas yang hampir sama. Bagi maklum balas tentang cadangan medium untuk menyebarkan kewajiban zakat fitrah yang dianjurkan, kebanyakan responden mencadangkan kewajiban zakat fitrah tersebut disebarluaskan menggunakan saluran yang lebih

dekat dengan orang ramai. Misalnya melalui: media sosial seperti *WhatsApp*, *Instagram* dan *Facebook*; media massa seperti di televisyen dan radio yang popular serta di papan-papan iklan; pasaran atau iklan berbayar; mendapatkan bantuan atau kerjasama daripada tokoh tempatan atau individu-individu yang berpengaruh bagi menghebahkan kempen galakan tersebut; karnival; seminar percuma khusus berkaitan zakat fitrah; melakukan dakwah jalanan; turun ke tempat-tempat masyarakat; satu banner bagi setiap masjid atau surau; membuat hebahan di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta; mengedarkan risalah atau *hand-outs*; dan mengadakan kempen tersebut sepanjang masa. Bagi maklum balas tentang peranan masjid pula, majoriti responden yang terdiri daripada para Jemaah masjid menyetujui akan peranan ceramah-ceramah di masjid dan khutbah jumaat dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kempen galakan tersebut. Antara cadangan lain yang diberikan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat setempat tentang kempen galakan yang dianjurkan oleh LZS adalah seperti: iklan di paparan visual yang ada di masjid; menampal notis di papan kenyataan masjid; edaran risalah; melakukan kempen secara berkala; mewujudkan kumpulan WhatsApp kariah; pengumuman selepas mengerjakan solat fardhu lima waktu atau pada setiap hari jumaat; membuat hari bersama pelanggan untuk zakat agar dapat dekat dengan masyarakat; merancang aktiviti masjid berkaitan zakat seperti ceramah, hari terbuka dan sebagainya bersama masyarakat setempat; membuat tazkirah ringkas semasa solat Terawikh; dan memperingati para Jemaah pada tiap-tiap waktu tentang pentingnya zakat fitrah.

Jadual 7 – Maklum balas responden berkaitan kempen

Responden	Maklum balas
Responden 4	<ul style="list-style-type: none"> -Media sosial diperhebatkan. -Marketing berbayar/iklan berbayar. -Amil dikampung diramaikan/lantikan lebih ramai.
Responden 6	<ul style="list-style-type: none"> -Perlu diwarwarkan oleh tokoh tempatan melalui media sosial.
Responden 7	<ul style="list-style-type: none"> -Masuk dalam tv/radio popular seperti sinar/TV3.
Responden 9	<ul style="list-style-type: none"> -Kempen hendaklah dilakukan sepanjang masa bukan ketika di bulan Ramadhan sahaja.
Responden 12	<ul style="list-style-type: none"> -Menggunakan saluran yang lebih dekat dengan orang ramai. -Hebahkan di surau/masjid dengan lebih kerap.
Responden 14	<ul style="list-style-type: none"> -Gunakan whatsapp
Responden 23	<ul style="list-style-type: none"> -Memperbanyakkan kempen zakat di dalam media sosial serta iklan tv/radio untuk pemahaman tentang kewajiban dalam berzakat.
Responden 35	<ul style="list-style-type: none"> -Seminar percuma khusus berkaitan zakat fitrah di semua lokasi di Malaysia.
Responden 39	<ul style="list-style-type: none"> -Banyakkan street dakwah.
Responden 44	<ul style="list-style-type: none"> -Pihak zakat perlu turun ke tempat-tempat masyarakat.
Responden 73	<ul style="list-style-type: none"> -Media sosial. -Karnival.
Responden 77	<ul style="list-style-type: none"> -Satu banner satu surau/masjid. -Viral marketing semasa bulan Ramadhan (video, whatsapp, FB/IG).
Responden 87	<ul style="list-style-type: none"> -Masjid, internet, hebahan di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta.
Responden 104	<ul style="list-style-type: none"> -Hand-outs
Responden 105	<ul style="list-style-type: none"> -Iklan di billboard/tv paparan masjid -Pengumuman setiap hari jumaat -Iklan dalam akhbar/penerbitan kerajaan negeri.
Responden 115	<ul style="list-style-type: none"> -Mewujudkan satu platform dan menjemput individu-individu yang berpengaruh/popular dan lain-lain bagi menyampaikan kempen.
Responden 172	<ul style="list-style-type: none"> -Kempen pembayaran zakat fitrah perlu disiarkan melalui media elektronik.
Responden 180	<ul style="list-style-type: none"> -Pengumuman atau penerangan 5 – 10 minit selepas solat fardhu.

Sumber: berdasarkan maklumat soal selidik 2018

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Melalui hasil dapatan purata nilai min bagi setiap faktor tersebut, kedudukan faktor nilai kemanusiaan menempati kedudukan yang paling tinggi. Kemudian diikuti faktor niat, faktor ilmu pengetahuan, faktor peranan amil kariah dan akhir sekali faktor institusi zakat mengikut urutan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor utama yang mendorong responden untuk membayar zakat fitrah adalah kerana nilai kemanusiaan iaitu tahap kepedulian responden terhadap sosial masyarakat terutamanya kepada golongan fakir dan miskin untuk sama-sama menyambut hari raya. Faktor niat menempati tempat kedua. Turutan kedua-dua faktor ini selaras dengan penemuan kajian lepas oleh Muhammad Muda et al. (2006) dan selari dengan kenyataan Ajzen (1991). Faktor pengetahuan konsisten dengan kajian-kajian lepas sebagai faktor yang signifikan mempengaruhi pembayaran zakat fitrah. Dominasi golongan pertengahan dan ke bawah ketika ini mungkin menyebabkan majoriti masyarakat sekarang mempunyai perasaan empati yang tinggi terhadap golongan susah. Tambahan pula, bulan Ramadhan dikatakan sebagai bulan ujian kepada umat Islam kerana terpaksa menahan lapar dan dahaga dari mula terbit matahari hingga terbenamnya matahari. Bulan Ramadhan juga adalah bulan yang dapat mengajar umat Islam supaya bersyukur dengan kesenangan atau kemewahan yang selama ini telah dinikmati oleh mereka yang berada. Selain itu, keimanan dan kepercayaan akan ganjaran daripada Allah serta kesedaran tentang ilmu pengetahuan berkenaan zakat fitrah dan kepentingannya dapat mendorong seseorang untuk mengambil sesuatu tindakan dan melakukannya. Manakala anjuran kempen galakan oleh LZS adalah salah satu jalan atau ruang kepada masyarakat untuk melaksanakan suatu kebajikan.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa peranan amil kariah adalah antara pendorong responden untuk membayar zakat fitrah ikut harga beras yang dimakan. Ini menunjukkan amil kariah zakat fitrah memainkan peranan yang penting dalam memastikan masyarakat setempat untuk melakukan pembayaran zakat fitrah pada amil di masjid kariah masing-masing dan ini adalah perkara yang lebih baik daripada membayar zakat fitrah di luar kawasan kariah penduduk. Hal ini adalah kerana hasil kutipan zakat fitrah yang dikumpul akan diagihkan kepada golongan asnaf yang memerlukan di kawasan tersebut untuk menyambut hari raya. Faktor ini menyokong kajian lepas berkenaan kaedah lokalisasi zakat yang dicadangkan oleh Muhd Syukri (2006) agar, dalam konteks kajian ini, zakat fitrah dapat dikutip dan dikumpul daripada masyarakat setempat yang berkewajipan untuk membayar zakat fitrah dan kemudiannya akan diagihkan kepada golongan asnaf di lokaliti itu sendiri untuk menyambut hari raya. Perkara ini dapat menjaga kebajikan dan hak orang-orang fakir dan miskin di daerah itu sendiri selain memelihara kehormatan tetangga dan membasmi kefakiran di kawasan itu sendiri (Muhd Syukri, 2006).

Faktor institusi zakat adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada penyebab responden membayar zakat fitrah mengikut beras yang dimakan. Faktor ini juga konsisten dengan kajian-kajian lepas sebagai faktor yang mendorong pembayar membayar zakat kepada institusi zakat atau kepada saluran yang bertauliah dan diakui oleh kerajaan. Selain itu, hasil penemuan kajian ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pandangan responden terhadap institusi zakat dalam aspek kutipan zakat dan agihan zakat. Ini menggambarkan, majoriti responden menyetujui akan usaha pihak institusi zakat dalam meningkatkan hasil kutipan zakat dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan alternatif cara pembayaran zakat. Sebaliknya, masih ramai lagi masyarakat yang kurang yakin akan keberkesanan agihan hasil zakat yang dikutip kepada golongan asnaf. Ini berkemungkinan kerana masyarakat dapat mengakses maklumat tentang hasil kutipan zakat yang semakin meningkat saban tahun akan tetapi kemiskinan masyarakat masih kurang berkurangan.

Dengan itu, pihak institusi zakat hendaklah mempromosikan diri mereka dari aspek keberkesanan agihan zakat kepada golongan asnaf, pengurangan masyarakat muslim yang fakir dan miskin, serta kejayaan

atau peningkatan golongan asnaf yang diberikan bantuan dapat keluar dari kehidupan fakir dan miskin sama ada dari aspek material atau rohani. Ini bermakna, pihak institusi zakat hendaklah melakukan kerjasama dengan pelbagai pihak yang berkaitan seperti masjid, masyarakat awam, golongan profesional atau kerajaan untuk sama-sama mengatasi masalah kemiskinan masyarakat umat Islam di negara ini. Dalam konteks kajian ini, pembuktian tentang keberkesanan agihan hasil kutipan zakat fitrah kepada golongan asnaf untuk menyambut raya kepada masyarakat setempat dijangka dapat meyakinkan umat Islam untuk mendorong mereka membayar zakat fitrah melebihi dari had kadar yang telah ditetapkan. Maka, institusi zakat hendaklah mempromosikan diri mereka kepada masyarakat Muslim setempat dari aspek agihan zakat kepada golongan sasaran dengan menunjukkan bukti yang jelas dan telus sebagaimana institusi zakat mewujudkan banyak kemudahan kepada masyarakat bagi memudahkan mereka membayar zakat.

Berkenaan dengan maklum balas daripada responden berkaitan cadangan atau komen, kebanyakan responden mencadangkan agar kempen galakan yang dianjurkan oleh LZS tersebut disebarluaskan melalui media soial seperti WhatsApp, Instagram dan Facebook memandangkan ianya merupakan antara jaringan sosial yang terbesar ketika ini. Perkara ini mungkin menggambarkan bahawa kebanyakan masyarakat lebih suka mengakses media sosial yang menggunakan internet kerana semua orang seperti boleh memiliki media sendiri dan mereka boleh mengakses media sosial pada bila-bila masa dan di mana-mana saja selagi ada kemudahan internet. Medium melalui media massa pula perlu diperhati dengan lebih cekap, kompeten dan menarik. Antara yang dicadangkan oleh responden adalah seperti melakukan iklan berbayar dan menjemput tokoh tempatan atau individu-individu yang berpengaruh bagi mengwar-warkan kempen galakan tersebut dalam saluran televisyen atau radio yang paling ditonton dan didengari oleh masyarakat dan bukan hanya di saluran televisyen atau radio tertentu sahaja. Pihak LZS juga boleh menghebahkan kempen galakan tersebut secara berkala sepanjang tahun dan bukan hanya ketika musim bulan Ramadhan sahaja. Misalnya: LZS boleh mencetak risalah, iklan bercetak kecil contohnya dalam bentuk penanda buku atau dalam bentuk pemberian hadiah pintu (*door gift*) untuk edaran kepada orang ramai; mengiklankannya di papan-papan iklan di lebuh raya, di tempat kemudahan awan atau di tempat pengangkutan awam; mengadakan seminar percuma khusus berkaitan zakat fitrah di semua lokasi di Malaysia serta di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta; dan mengikuti karnival yang bersesuaian untuk menghebahkan kempen galakan tersebut selain turun ke tempat-tempat masyarakat. LZS perlulah memastikan saluran medium untuk menyebar luaskan kempen galakan tersebut adalah lebih dekat dengan orang ramai atau ramai orang berpeluang untuk melihat dan mendengar mengenainya.

Pihak masjid pula boleh meneruskan peranannya dalam meningkatkan kesedaran masyarakat setempat tentang kempen galakan tersebut melalui ceramah dan khutbah jumaat bahkan boleh juga menyertakan sekali akan kebaikan bersedekah dan kepentingan niat dalam mengerjakan sesuatu perbuatan. Antara lainnya ialah: menyediakan risalah, notis atau menampal iklan yang menarik perhatian di papan kenyataan; menggunakan alat bantuan visual yang ada; dan melakukan tazkirah ringkas selepas solat fardhu secara berkala memandangkan tidak semua orang dapat menghadirkan diri ke masjid pada setiap lima waktu solat atau ketika ceramah dilakukan. Sifat-sifat murni dan nilai kemanusiaan perlu ditanamkan ke dalam diri individu Muslim untuk mendorong sesuatu perbuatan itu dilakukan serta niat yang jelas kerana Allah ketika melakukan sesuatu perkara. Ini kerana, setiap perbuatan adalah bergantung kepada niat dan setiap perbuatan akan dibalas oleh Allah berdasarkan apa yang diniatkan walaupun perbuatan itu sekecil-kecil zarah. Perbuatan tanpa niat adalah sama seperti amalan kehidupan sehari-hari yang kosong dari ibadah kepada Allah. Tambahan lagi, pihak LZS dan masjid boleh berganding bahu untuk menganjurkan hari bersama masyarakat setempat terutamanya agar dapat mempromosi dan mendekatkan diri dengan masyarakat, memberikan penerangan yang lebih efisyen tentang keberkesanan agihan zakat fitrah yang dikutip dan sesi perkongsian daripada penerima zakat kepada masyarakat setempat. Ketika di bulan Ramadhan pula, pihak masjid boleh

memperingatkan atau membuat tazkirah ringkas berkenaan kempen galakan tersebut sebelum, semasa atau selepas solat Tarawikh secara berkala. Kedua-dua pihak juga boleh mengingatkan atau berpesan-pesan kepada masyarakat Muslim akan kebaikan berzakat dan bersedekah secara bersilih ganti. Lzs juga boleh melakukan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi menyebarluaskan kempen galakan tersebut.

KESIMPULAN

Zakat fitrah merupakan penyumbang utama kepada agihan keperluan bagi golongan fakir dan miskin khususnya pada hari raya Aidil Fitri. Pengeluaran zakat fitrah dapat menunjukkan kesedaran dan perasaan empati masyarakat Muslim yang berkemampuan akan nasib kekurangan golongan sasaran ketika berpuasa di sepanjang bulan Ramadhan. Meskipun begitu, hasil zakat fitrah sedia ada ketika ini tidak mencukupi dengan jumlah yang sepatutnya diagihkan kepada asnaf untuk menyambut raya dan terpaksa ditampung menggunakan hasil zakat lain. Maka, dengan menganjurkan kempen galakan "Jom Bayar Zakat Fitrah Ikut Harga Beras Yang Dimakan", Lzs membuka peluang kepada masyarakat Muslim yang berkemampuan untuk membayar zakat fitrah mengikut harga beras yang dimakan dan ini bertepatan dengan amalan nabi dan sahabat. Atas usaha yang dilakukan dalam menyebarluaskan kempen galakan tersebut dan kesedaran masyarakat mengenainya telah mendorong sejumlah pembayar zakat untuk membayar zakat fitrah ikut harga beras yang dimakan. Medium yang ditujukan khas kepada para Jemaah masjid sangat sesuai dan membantu dalam menyebarluaskan maklumat. Faktor peranan amil kariah zakat fitrah juga agak baik dalam menyumbang kepada kejayaan kempen galakan tersebut.

Meskipun negeri Selangor telah menetapkan kadar bayaran zakat fitrah pada kadar RM7 bagi setiap kepala, anjuran kempen galakan ini dapat memupuk masyarakat Muslim Selangor untuk menjadi seorang yang pemurah dan suka bersedekah seterusnya meningkatkan amal bakti di dunia sebagai bekalan di akhirat nanti. Ianya juga dapat dijadikan amalan contoh kepada masyarakat Muslim yang lain dan kepada generasi muda. Tambahan lagi, melalui kempen galakan ini diharap dapat membantu menambah peningkatan kutipan hasil zakat fitrah agar dapat diagihkan kepada asnaf untuk turut sama menyambut hari raya tanpa perlu ditampung dari hasil kutipan zakat lain. Hasil kajian ini hanyalah tertumpu kepada masyarakat Muslim Selangor di daerah Hulu Langat dan khusus kepada mereka yang solat di masjid atau surau. Oleh yang demikian, di masa akan datang, kajian ini boleh dikaji dan diperluaskan kepada setiap daerah masyarakat Muslim di negeri Selangor dan kepada setiap lapisan masyarakat Muslim secara umum bagi mendapatkan hasil yang lebih meluas dan variasi. Diharap kajian ini dapat memberi sedikit pencerahan kepada pihak yang berkenaan dalam menyebarluaskan kempen galakan yang dianjurkan kepada golongan sasaran.

RUJUKAN

- Al-Quran.
- Abdul Salam. 2016. Konsep zakat fi sabilillah pada zakat menurut Imam Syafi'I dan Yusuf Qaradawi. Skripsi, Syariah dan Ekonomi Islam. Uin Antasari Banjarmasin.
- Abdullah Khairi Mohd Asri & Hairunnizam Wahid. 2017. Pembayaran zakat pendapatan melebihi kadar kewajipan zakat: kajian dalam kalangan kakitangan kerajaan di Wilayah Persekutuan, Putrajaya. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-12* 64 – 73.

- Ahmad Mukhlis & Irfan Syauqi Beik. 2013. Analisis faktor-faktor yang memengaruhi tingkat kepatuhan membayar zakat: studi kasus Kabupaten Bogor. *Jurnal al-Muzara'ah* 1(1): 83 – 106.
- Ajzen, I. 1991. The theory of planned behaviour. *Organizational Behaviour And Human Decision Processes* 50: 179 – 211.
- Al-Bukhari. 2015. *Ringkasan Shahih Bukhari*. Az-Zabidi. Harun, Lc. & Zenal Mutaqin, Sag. Bandung: Penerbit Jabal.
- Fawzan, Salih. 2005. A summary of Islamic Jurisprudence. Jilid 1.
- Fidlizan Muhammad, Salwa Amira Awang & Abdul Majid Tahir Mohamed. 2012. Kepatuhan membayar zakat: analisis bocoran dalam kutipan zakat fitrah. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 9(1): 233 – 250.
- Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Azila Abdul Razak & Salwa Amira Awang. 2015. Ketirisan bayaran zakat fitrah terhadap institusi formal di Malaysia. *Sains Humanika* 5(1): 27 – 32.
- Hairullfazli Mohammad Som & Azman Ab Rahman. 2011. Konsep amil dan perannya dalam pengurusan zakat. *Kajian Syariah dan Undang-Undang* 3(1): 1 - 17.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. 2007. Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia. *Islamiyyat* 29:53 – 70.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2012. Melokalisasikan urus tadbir pengagihan zakat: peranan institusi masjid di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance* 3: 71 – 83.
- Lembaga Zakat Selangor. Bayaran Zakat Fitrah Mengikut Harga Beras Dimakan.
<https://www.zakatselangor.com.my/fitrahharga/beras/> [5 Disember 2018].
- Mohd Ali Mohd Noor, Hairunizam Wahid & Nor Ghani Md Nor. (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia, *Islamiyyat* 26(2), 59-68.
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Mohamad Ali Roshidi Ahmad, Azila Abdul Razak & Nurhanie Mahjom. 2013. Analisis kepatuhan membayar zakat fitrah di Selangor. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII 2013* 2: 586 – 592.
- Mujaini Tarimin. 2005. Tanggungjawab amil dalam konteks kontemporeri. Zakat: menuju pengurusan profesional.
https://books.google.com.my/books?redir_esc=y&id=InVm6T-BEeYC&q=amil#v=snippet&q=amil&f=false [1 Ogos 2018].
- Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki & Amir Shahruddin. 2006. Factors influencing individual participation in zakah contribution: exploratory investigation. Seminar for Islamic Banking and Finance 2006 (iBAF 2006), 29 – 30 August 2006, Kuala Lumpur (Faculty of Economics and Muamalat, KUIM, Nilai NS).
- Muhammad Syukri Salleh. 2006. Penyetempatan pengagihan zakat: Satu cadangan teoritis. Dlm. *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan*, disunting oleh Hailani & Abdul Ghafar. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norizan Abdul Razak (2003) Computer competency of in-service ESL teachers in Malaysian secondary school. Tesis Dr.Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Qardawi, Yusuf. Fiqh Al Zakah a comparative study of zakah regulations and philosophy in the light of Qur'an and Sunnah. Jilid 1. <https://islamfuture.wordpress.com/2010/07/05/fiqh-az-zakat-a-comparative-study-volume-i-by-yusuf-al-qaradawi/> [27 Ogos 2018].
- Qardawi, Yusuf. Fiqh Al Zakah a comparative study of zakah regulations and philosophy in the light of Qur'an and Sunnah. Jilid 2. <https://islamfuture.wordpress.com/2010/07/05/fiqh-az-zakat-a-comparative-study-volume-ii-by-yusuf-al-qaradawi/> [27 Ogos 2018].
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2005. Penerimaan dan tanggapan masyarakat terhadap sumber zakat harta yang diikhtilaf. *Islamiyyat* 27(1): 45 65.

- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2005. Sumber zakt: perluasan terhadap harta yang diikhtilaf. *Jurnal Syariah* 13(1): 135 – 162.
- Sekaran, U. 2003. Research methods for business: A skill-building approach.
https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=Ko6bCgAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA19&dq=Sekaran,+U.+2003.+Research+methods+for+business:+A+skill-building+approach&ots=2B1Q_0Q0qL&sig=QQkAoJtzWa3ycXRQ4mlqpmCgUtM#v=onepage&q=30&f=false [25 Disember 2018].
- Shahremie Teja. 2016. Kaedah Penyelidikan (persampelan). <https://www.slideshare.net/tejasyahremie/kaedah-penyelidikan-persampelan> [24 Disember 2018].
- Siti Saufirah Mohd Tahir, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. 2016. Kepatuhan membayar zakat fitrah: analisis kutipan dan ketirisan pembayaran zakat fitrah di Terengganu. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 7: 64 – 74.
- Wmkfirdaus. 2015. Pensampelan Dr. Kamarul.
https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/pensampelan?next_slideshow=1 [24 Disember 2018].